

Kuala Perlis: Tindakan beberapa lelaki menaiki sampan di perairan Kurung Terengganu di sini, dalam keadaan mencurigakan pada awal pagi 6 Februari lalu membongkar tindakan mereka

cuba menyeludup timbunan bungkusan kotak yang mengandungi peranti vape dan cecair ke negara jiran.

Pengarah Kastam Perlis, Ismail Hashim berkata, bertindak atas maklumat, pada jam 1.30 pagi, pasukan operasi dari Cawangan Pengangkutan/Marin Kuala Perlis mengejar sampan terbabit.

Beliau berkata, sampan itu kemudian bergerak ke kawasan perairan cetek sebelum berhenti.

"Ketika itu beberapa orang dipercayai tiga lelaki melarikan diri ke arah daratan dengan meninggalkan sampan berkenaan.

"Hasil pemeriksaan ke atas sampan menemui beberapa bungkusan kotak mengandungi peranti vape dan cecair pelbagai perisa yang disyaki untuk diseludup ke negara jiran.

Kastam patah cubaan seludup peranti vape, cecair guma sampan ke negara jiran



ISMAL (tengah) bersama pegawai kastam menunjukkan hasil rampasan.

"Semua peranti vape itu RM454,000 serta membabitkan duti atau cukai sebanyak RM95,340," katanya, semalam.

Menurutnya, pihaknya menyita sampan bersama enjin yang dianggarkan bernilai RM50,000 dan kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967.

Dalam perkembangan lain, sindiket pengedaran dadah gagal membawa masuk 20 ketulan mampat disyaki gania bernilai RM62,000 ke pasaran utara dan Lembah Klang selepas ia berjaya dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kuala Perlis.

Ismail berkata, dadah itu ditemui dalam dua bungkusan guni ditinggal di tebing sungai di Kampung Bukit Takpo di sini, pada jam 10 malam, 10 Februari lalu.

Beliau berkata, pemeriksaan ke atas guni itu mendapati 20 ketulan mampat disyaki dadah jenis kanabis disyaki dibawa dari negara jiran.